



SIARAN MEDIA

PERNYATAAN DASAR PENGURUSAN SISA RADIOAKTIF DAN BAHAN API NUKLEAR TERPAKAI KEBANGSAAN

1 Oktober 2021, PUTRAJAYA – Jemaah Menteri pada 17 September 2021 telah meluluskan Pernyataan Dasar Pengurusan Sisa Radioaktif dan Bahan Api Nuklear Terpakai Kebangsaan yang telah dibangunkan di bawah skop tadbir urus Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Pernyataan dasar ini bertujuan mengukuhkan sistem perundangan negara dan membantu Kerajaan dalam merangka hala tuju negara yang lebih jelas terhadap pengurusan sisa radioaktif dan bahan api nuklear terpakai. Di samping itu, ia akan meningkatkan lagi keyakinan orang awam terhadap pendekatan tadbir urus pengurusan sisa radioaktif dan bahan api nuklear terpakai di Malaysia, terutamanya dalam mengimbangi keperluan pembangunan teknologi serta aktiviti ekonomi yang berkaitan.

Di bawah pernyataan dasar ini, 16 perkara telah diperincikan berhubung peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang berkepentingan dalam pengurusan sisa radioaktif dan bahan api nuklear terpakai. Pernyataan dasar ini juga adalah suatu komitmen Kerajaan dalam memastikan sisa radioaktif dan bahan api nuklear terpakai diuruskan dan dilupuskan secara selamat, terkawal dan mampan demi melindungi kepentingan

orang awam dan alam sekitar, tanpa membebankan generasi akan datang.

Maklumat penuh pernyataan dasar ini boleh diakses melalui laman portal AELB di pautan <https://www.aelb.gov.my/newaelb/>.

TAMAT

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)
No. Tel: 03-89225888
No. Faks: 03-89223685

Dikeluarkan pada 1 Oktober 2021